

23/06/2003

Ahli Pas tidak berubah (HL)

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin ahli Pas tidak akan berubah

daripada menyokong pemimpin mereka walaupun sudah banyak hujah diberikan bagi membuktikan Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam, sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berkata, ini kerana ahli Pas sudah diracuni pemikirannya oleh pemimpin mereka.

"Mereka (ahli Pas) tidak boleh berubah. Sebab itu bila (Mursyidul Am Pas, Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) kata Tuhan mencarut, Tuhan samseng, dia (ahli Pas) kata betul Tuhan mencarut, Tuhan samseng.

"Jadi, tak boleh buat apa dah," katanya semalam ketika ditanya sama ada

ahli Pas akan berubah selepas pelbagai hujah dikemukakan beliau ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-54, kelmarin.

Beliau berkata demikian sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat, di sini, selepas

melawat beberapa tapak projek pembangunan berasaskan pelancongan di sini.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali

tiba di sini malam kelmarin, sejeurus berakhir Perhimpunan Agung Umno.

Ketika menggulung perbahasan kelmarin, Presiden Umno itu berkata, setiap

parti politik ada kelemahan dan kesalahannya tetapi apabila sesebuah parti

politik menggunakan nama Islam, tindak-tanduk pemimpinnya turut dikaitkan

dengan Islam dan keadaan itu tidak dapat diterima.

Lebih separuh atau kira-kira 40 minit daripada ucapan selama 70 minit itu digunakan oleh Dr Mahathir untuk mengkritik kepemimpinan Pas serta tindak-tanduk pemimpin parti terbabit yang dianggapnya bercanggah dengan hukum Islam.

Ditanya sama ada Pas akan memutarbelitkan kenyataannya mengenai parti itu, Dr Mahathir berkata, beliau yakin Pas akan memutarbelitkan kenyataannya.

"Saya kata dia (Pas) yang menghinakan nabi, dia boleh kata saya yang menghinakan nabi. Pas memang ahli putar belit," katanya.

Mengenai projek pembangunan di pulau peranginan ini, Dr Mahathir yakin penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus memberi tumpuan kepada Langkawi selepas beliau bersara Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, Langkawi mempunyai potensi untuk dimajukan dan

kerana itu beliau kerap melawat pulau ini bagi memastikan projek pembangunan yang dirancang berjalan lancar.

"Insya-Allah, (Abdullah) akan beri tumpuan pada semua projek. Saya

bukan

buat projek di Langkawi saja. (Pulau) Tioman pun kita buat juga (dan) banyak tempat (lain)," katanya ketika ditanya sama ada Abdullah akan terus

memberi tumpuan kepada projek pembangunan di Langkawi selepas pelantikannya sebagai Perdana Menteri kelak.

Hadir sama di LTAL itu ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian merangkap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, Ketua Bahagian MCA Langkawi, Datuk Tan Hong Eng dan beberapa orang kenamaan lain.

Mengenai hasil lawatan ke beberapa tapak projek utama pembangunan berasaskan pelancongan di sini, Dr Mahathir berkata, projek berjalan dengan baik.

Ditanya sama ada beliau ada idea terbaru bagi pembangunan di Langkawi sebelum bersara, Perdana Menteri berkata: "Idea baru bagi dekat orang lainlah pulak".

"Saya tentu kena melawat (Langkawi). Saya pun nak berehat di Langkawi macam orang lain juga," katanya ketika ditanya sama ada beliau akan terus

melawat Langkawi selepas bersara.

Terdahulu, Dr Mahathir meninjau kemajuan tapak projek bernilai RM40 juta

di Harbour Park Langkawi, di Pantai Kok, yang dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu masa.

Beliau kemudian melawat kerja pembinaan dua blok baru tambahan Galeria Perdana di Kilim membabitkan kos RM24 juta.

Mengenai projek itu, Pengarah Eksekutif Prodrabena Sdn Bhd (Prodrabena),

Yusoff Md Shah, berkata dua blok tambahan Galeria Perdana itu mula dibina

pada 12 Februari lalu dan ia kini mencapai 92 peratus siap.

Katanya, projek itu kini berjalan mengikut jadual dan dijangka siap 14 September ini. Ketika ini, seramai 22 pekerja yang didatangkan khas dari Uzbekistan menyiapkan kerja ukiran khat pada siling bangunan.

Seperti lawatannya ke sini sebelum ini, Dr Mahathir turut melawat Pusat

Penyelenggaraan dan Pembaikan Kapal Layar Wavemaster di Tanjung Lembung dan perkhidmatan kereta kabel di Oriental Village, Teluk Burau.